

**SULIT**



**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER 2  
SESI 2012/2013**

NAMA KURSUS : AQIDAH KETUHANAN DAN SAINS  
KOD KURSUS : UWA10502 / UMA3032  
PROGRAM : 1 DAA/ DAB/DAJ/DAM/DAR /DAT  
2 DAE/DAM  
3 DAE/DAU/DFT  
TARIKH PEPERIKSAAN : MAC 2013  
JANGKA MASA : 2 JAM  
ARAHAN : JAWAB EMPAT (4) SOALAN  
SAHAJA DARI ENAM (6) SOALAN  
YANG DISEDIAKAN

**KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI TIGA (3) MUKA SURAT**

**SULIT**

- S1** (a) Nyatakan maksud agama samawi dan agama budaya. (5 markah)
- (b) Jelaskan satu sahaja teori asal usul agama bagi setiap yang berikut:  
(i) ahli agama  
(ii) ahli falsafah  
(iii) ahli psikologi  
(iv) ahli sosiologi  
(v) ahli antropologi (10 markah)
- (c) Tentukan kedudukan agama anda sama ada sebagai agama samawi atau budaya dan huraikan **tiga (3)** ciri agama yang bersesuaian. (10 markah)
- S2** (a) Nyatakan maksud akidah ketuhanan. (5 markah)
- (b) Jelaskan maksud kepelbagaian istilah di bawah:  
(i) politeisme  
(ii) monoteisme teoritis  
(iii) monoteisme praktis  
(iv) monoteisme mutlak  
(v) monoteisme spekulatif (10 markah)
- (c) Berdasarkan kepelbagaian istilah dalam S2 (b) di atas, huraikan konsep ketuhanan yang anda anuti. (10 markah)
- S3** (a) Jelaskan hubungan akidah ketuhanan dengan fitrah manusia. (5 markah)
- (b) Terangkan maksud perkataan di bawah:  
(i) idea  
(ii) teori  
(iii) fitrah  
(iv) akidah  
(v) ideologi (10 markah)
- (c) Rumuskan **empat (4)** keistimewaan akidah berbanding idea, teori dan ideologi. (10 markah)

- S4** (a) Nyatakan pengertian ilmu dari sudut bahasa. (5 markah)
- (b) Terangkan **empat (4)** pembahagian ilmu dan hukum mempelajarinya. (10 markah)
- (c) Huraikan **empat (4)** kepentingan ilmu dalam kehidupan manusia. (10 markah)
- S5** (a) Nyatakan **dua (2)** maksud sains yang biasa difahami oleh masyarakat umum. (5 markah)
- (b) Terangkan kaedah saintifik yang digunakan dalam pembuktian kebenaran sains moden yang berikut:  
(i) ujikaji  
(ii) statistik  
(iii) pemerhatian  
(iv) persampelan  
(v) cuba dan salah (10 markah)
- (c) Huraikan bidang-bidang sains menurut pembahagian sains secara umum. (10 markah)
- S6** (a) Senaraikan **5 (lima)** persamaan yang ditemui dalam proses kejadian manusia Menurut al-Quran dan sains. (5 markah)
- (b) Berikan maksud perkataan di bawah dan susun mengikut tahap perkembangan janin manusia dalam al-Quran:  
(i) *nutfah*  
(ii) *lahma*  
(iii) *idzhma*  
(iv) *alaqah*  
(v) *mudghah* (10 markah)
- (c) Bincangkan **2 (dua)** pengajaran yang anda perolehi dari kefahaman terhadap proses kejadian manusia. (10 markah)

-SOALAN TAMAT-